



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 4 JUN 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5.	CHINA LULUS IMPORT DURIAN DARI MALAYSIA, BISNES, BERITA HARIAN -22 DIANDALKAN KEMENTAN INI FUNGSI ALSINTAN KULTIVATOR, NEWS, MALAYSIA SHAFQA THE "COWGATE" SCANDAL IS BACK-IT AIN'T OVER UNTIL THE CROOKED FAMILY OF SHAHRIZAT, NEWS, FINANCE TWITTER NFC QUERIES SUIT AGAINST IT, NATION, THE STAR -6 PENERUSI NFC HAIRAN TINDAKAN SAMAN PEGUAM NEGARA, NASIONAL, SINAR HARIAN -6	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
6.	PENANAMAN NANAS KENINGAU DIAMOND DIPERLUAS, TEMPATAN, UTUSAN SARAWAK -1	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
7.	RONDAAN SEMASA AIDILFITRI DIPERKETATKAN BANTERAS PENCEROBOHAN, NEGARA, KOSMO -12	LAIN – LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
{UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA}

China lulus import durian dari Malaysia

➔ **Pasaran luas tingkat pendapatan penanam tempatan**

Malaysia kini bersedia memenuhi 'keinginan' rakyat China untuk mendapatkan 'raja buah' tempatan iaitu durian.

Ia berikutan Pentadbiran Am Ksaram China sudah meluluskan pengimportan durian sejuk beku bermula 30 Mei lalu menerusi satu perjanjian yang ditandatangani pada Ogos lalu.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin, dalam status di Facebooknya Jumat lalu, berkata pasaran durian di China sangat besar dan Malaysia hanya dapat mengeksport dalam bentuk pulpa durian dan pes beku ke China.

"Eksport keseluruhan durian sejuk beku akan membuka peluang pasaran kepada penanam durian tempatan, sekaligus meningkatkan pendapatan mereka," katanya.

[FOTO HIASAN]



China mengimport 300,000 tan durian setahun, terutama dari Thailand.

China kini mengimport sekitar 300,000 tan durian setiap tahun, terutama dari Thailand.

Eksport 17,000 tan

Malaysia hanya mengeksport kira-kira 17,000 tan atau 5.8 peratus daripada pengeluaran tahunan, terutama ke Singapura, Thailand, Hong Kong, Australia, Amerika Syarikat dan China.

Selain itu, Tze Tzin, berkata permintaan yang melambung



Eksport durian sejuk beku buka peluang pasaran kepada penanam durian tempatan

Sim Tze Tzin,
Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

tinggi di China tidak akan menaikkan harga buah tempatan itu kerana sudah ramai penanam yang mula menanam durian dan pengeluarannya mungkin akan bertambah.

"Malaysia juga sedang berusaha untuk meningkatkan pengeluaran produk durian seperti aiskrim dan biskut, selain menarik pelancong ke ladang durian menerusi pendekatan *Durianto*." *Durianto*

Headline	Diandalkan Kementan, Ini Fungsi Alsintan Kultivator		
MediaTitle	Malaysia Shafaqna (malaysia.shafaqna.com)		
Date	04 Jun 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	5	Readership	5
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,200
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,600

Diandalkan Kementan, Ini Fungsi Alsintan Kultivator

Kementerian Pertanian (Kementan) melalui Direktorat Jenderal Prasarana dan Sarana Pertanian (PSP) terus melakukan program mekanisasi melalui alat mesin
Baca tapak asal

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	The "Cowgate" Scandal Is Back – It Ain't Over Until The Crooked Family Of Shahrizat		
MediaTitle	Finance Twitter (www.financetwitter.com)		
Date	04 Jun 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	3
Order Rank	7	Readership	4
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 900
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,700

The "Cowgate" Scandal Is Back – It Ain't Over Until The Crooked Family Of Shahrizat

The NFCorp began in 2006 when AISB (Agro-based Industry contracted Agrosience Industries Sdn Bhd) was contracted by the Ministry of Agriculture to develop an integrated livestock farming and beef production facility. The objective was to boost and achi...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

NFC queries suit against it

We offered to repay RM250mil loan in full, says corporation

PETALING JAYA: The National Feedlot Corporation (NFC) has questioned the suit filed in court against it by the Attorney General, saying that it offered last year to pay in full the RM250mil loan it took more than 10 years ago.

NFC chairman Datuk Dr Mohamad Salleh Ismail said they had started the process of redeveloping and restructuring the organisation.

He said several discussions were held with the Agriculture and Agro-based Industry Ministry, and these had been positively received.

He said a letter on the full repayment of the loan had been sent to

Finance Minister Lim Guan Eng on May 17, but NFC had yet to receive any response.

Like all Malaysians, Mohamad Salleh said he wanted the issue to be resolved as soon as possible with the agreement of the government.

He added that they would fully cooperate with the government.

Mohamad Salleh said he was confident that NFC would be able to pay back the amount owed to the government and the aspirations of the project would be fulfilled.

The Edge had reported that the Attorney General's Chambers (AGC) filed a statement of claim against NFC for RM253.62mil owed to the

government with the Kuala Lumpur High Court last Friday.

Named in the claim are Mohamad Salleh and his three children, and six other companies owned by the family. Mohamad Salleh is the husband of former Wanita Umno chief Tan Sri Shahrizat Abdul Jalil.

The claim against NFC and the Salleh family amounts to RM253.62mil and represents the amount owed to the government, together with interest of 2% per annum and default interest on RM224.77mil.

It was reported that the government would also be seeking a declaration from the court to have

Mohamad Salleh's family personally liable for the debt repayment, the sum of RM118.04mil misappropriated from the loan and secret profits arising from it, as well as Putrajaya's entitlement to claim equitable title to the properties bought using NFC's RM250mil loan from the government.

The NFC, set up in 2007 with its subsidiary National Feedlot Centre to expand the local beef industry, was meant to reduce dependency on imported beef.

However, the project became embroiled in controversy for being poorly managed as noted in the Auditor-General's Report 2011.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/6/2019	SH	NASIONAL	6

Pengerusi NFC hairan tindakan saman Peguam Negara

KUALA LUMPUR - Pengerusi National Feedlot Corporation (NFCorp) Sdn Bhd, Datuk Seri Dr Mohamad Salleh Ismail mempersoalkan tindakan pemfailan pernyataan tuntutan oleh Peguam Negara terhadapnya dan keluarga mengenai pinjaman NFCorp yang tertunggak.

Sedangkan kata beliau, isu pembayaran balik pinjaman penuh kepada pihak kerajaan telah pun dimaklumkan pada November 2018.

Beliau berkata, NFCorp juga telah memulakan usaha pemulihan pembangunan dan penstrukturan semula syarikat.

"Beberapa perbincangan

dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah diadakan yang disambut baik seperti diumumkan Menteri-nya, Datuk Salahuddin Ayub.

"Surat tawaran pembayaran balik pinjaman penuh juga telah diutuskan kepada Menteri Kewangan, Lim Guan Eng pada 17 Mei lalu.

"Sehingga kini, NFCorp belum mendapat jawapan. Namun, saya akan memberi kerjasama penuh mengikut proses perundangan negara," katanya dalam kenyataan semalam.

The Edge melaporkan, kerajaan memfailkan saman minggu lepas untuk mendapat-

kan semula pinjaman RM253 juta daripada NFC.

Jabatan Peguam Negara menamakan NFC, Mohamad Salleh, tiga anaknya dan enam syarikat berkaitan keluarga itu sebagai responden.

Jelas Mohamad Salleh, beliau berharap isu ini diselesaikan melalui pembayaran penuh pinjaman tertunggak kepada kerajaan dalam masa terdekat.

"Ini membantu meringankan beban kewangan negara.

"Saya yakin di bawah kepimpinan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, isu ini akan mencapai kata

penyelesaian di mana NFCorp akan membayar balik baki tertunggak pinjaman kepada kerajaan," katanya.



MOHAMAD SALLEH

Headline	Penanaman nanas Keningau Diamond diperluas		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	04 Jun 2019	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	1	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	172 cm ²
Journalist	Adeng Idrus	AdValue	RM 563
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,689



Penanaman nanas Keningau Diamond diperluas

ADENG IDRUS

LIMBANG: Projek Tanaman Nanas Varieti 'Keningau Diamond' akan dilaksanakan penanamannya secara meluas di daerah Limbang Ogos depan.

Menteri Muda Pertanian Dr Abdul Rahman Ismail berkata projek sesuai berdasarkan pasaran yang baik di semenanjung Malaysia dan antarabangsa.

Dr Abdul Rahman memberitahu demikian pada mesyuarat Bersama Jabatan Pertanian Bahagian Limbang disini baru-baru ini.

Beliau memberitahu keseluruhan projek bernilai RM 70,000 akan diusahakan di tanah berkeluasan 6.75 hektar.

Turut sama ialah Pegawai Pertanian Bahagian Limbang Jafaruddin Ali dan Penolong Pegawai Pertanian Bahagian

Limbang Christopher Dawat Anur.

ADUN Bukit Kota itu memberitahu, tanaman nanas Keningau Diamond diperolehi hasil lawatan Kementerian Pertanian Sarawak bersama rombongan Timbalan Ketua Menteri Sarawak merangkap Menteri Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah Datuk Amar Douglas Uggah Embas ke Keningau

Mac lalu.

Menurutnya lagi seramai 27 orang peserta dari Kampung Pandam, Kampung Lupak Raggas dan Kampung Lubok Panggie terpilih dalam Projek Tanaman Nanas Varieti 'Keningau Diamond' Bahagian Limbang.

Nanas yang dihasilkan usahawan tersohor Prof Adjung Daluk Yap Yun Fook di Ladang Bombol Keningau itu, merupa-

kan varieti nanas kebangsaan terkini, selepas AC1 Moris, AC2 Sarawak, AC3 Gandul, AC4 Maspine, AC5 Josapine, AC6 Yankee, AC7 Moris Gajah, AC8 N36, AC9 MD2, AC10 View of Sunset dan AC11 Madu Kaca.

Nanas premium ini sedang dalam proses pendaftaran oleh Jabatan Pertanian Malaysia kerana ianya adalah spesies tanaman nanas yang baharu diperkenalkan di Malaysia.

Rondaan semasa Aidilfitri diperketat banteras pencerobohan

KUALA TERENGGANU - Maritim Malaysia (APMM) akan meningkatkan rondaan di perairan Pantai Timur meliputi Kelantan, Terengganu dan Pahang bagi membantas pencerobohan nelayan asing khususnya Vietnam pada musim perayaan Aidilfitri ini. Pengarah Maritim Pahang Datuk Zulkarnain Mohd. Omar berkata, berdasarkan pengalaman sebelum ini, tempoh seminggu bermula beberapa hari menjelang 1 Syawal menjadi kegemaran nelayan Vietnam menjadi semakin agresif menceroboh perairan negara untuk menangkap ikan secara haram.

"Meraka mungkin beranggapan kesibukan kita untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri sebagai kesempatan terbaik untuk menikmati perairan Pantai Timur bagi

mengaut hasil laut secara haram sebanyak mungkin.

"Pada tahun ini kita telah bersedia dengan melaksanakan operasi bersepadu melibatkan APMM, Tentera Laut Diraja Malaysia, Pasukan Polis Marin, Jabatan Imigrasi dan Jabatan Perikanan untuk melakukan rondaan di perairan Kelantan, Terengganu dan Pahang sejak 24 April lalu," katanya kepada Kosmo! di sini baru-baru ini.

Zulkarnain berkata, Ors Naga tersebut telah berjaya menahan 41 bot nelayan Vietnam dan 367 nelayan dari negara itu dalam tempoh lebih sebulan ia dilancarkan.

Beliau yang bertanggungjawab terhadap operasi APMM Wilayah Timur berkata, operasi bersepadu melibatkan pelbagai agensi itu membolehkan pihaknya meng-

san sebanyak mungkin bot nelayan Vietnam yang menceroboh menerusi sistem pengesanan khas dan pemerhatian daripada udara.

Zulkarnain berkata, setiap bot nelayan Vietnam yang berjaya ditahan akan diseraikan dalam laporan khas sebelum diserahkan kepada pasukan polis antarabangsa, Interpol untuk tindakan lanjut.

"Ujar beliau, ia bertujuan agar industri perikanan Vietnam yang sebelum ini menerima kad kuning oleh Kesatuan Eropah dikenakan pula tindakan kad merah lantaran perbuatan rakus menceroboh perairan negara itu.

"Pemberian kad merah itu akan menyebabkan industri perikanan Vietnam terjejas kerana bekalan hasil lautnya bakal diharapkan daripada memasuki pasaran Eropah," katanya.



ZULKARNAIN (kan) dan Pengarah APMM Terengganu, Muhammad Sufi Mohd Rantli meninjau keadaan jeli APMM di Kuala Terengganu baru-baru ini.